GARIS PANDUAN PERMOHONAN

LESEN UNTUK MENGAMBIL AIR MINUMAN BERBUNGKUS DAN AIR MINERAL SEMULAJADI DARIPADA PUNCA BAGI MAKSUD PERDAGANGAN ATAU PERNIAGAAN (TEMPATAN)

PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PINDAAN 2023

ISI KANDUNGAN

Bil.	Perkara	Muka Surat
1.	Pengenalan	2
2.	Skop	5
3.	Definisi	5
	BAHAGIAN 1: PANDUAN PERMOHONAN	
4.	Syarat-Syarat Permohonan	9
5.	Prosedur Permohonan	10
6.	Permohonan Baharu	10
7.	Proses Kelulusan	11
8.	Tempoh Sahlaku Lesen	15
9.	Pemantauan	15
10.	Permohonan Pindaan Lesen	17
11.	Permohonan Penamatan Label AMB / AMS	19
12.	Cetakan Semula Lesen	19
13.	Penggantungan Lesen	20
14.	Permohonan Pelepasan Penggantungan	20
15.	Pembatalan Lesen	21
16.	Tindakan Penguatkuasaan	21
17.	Pengecualian	22
	BAHAGIAN 2: KEPERLUAN SPESIFIK PREMIS	
	Komponen 1 : Keperluan Am	
18.	Bangunan Dan Kemudahan	23
19.	Pengendali Makanan	28
20.	Latihan	30
21.	Penyelenggaraan dan Sanitasi	30
	Komponen 2 : Kawalan Operasi	
22.	Kawalan Proses	34
23.	Sistem Rawatan Air di Kilang	34
24.	Sistem Pembersihan Botol	35
25.	Kawalan Pembungkusan	36
26.	Kawalan Penyimpanan Produk Siap	36
27.	Kawalan Bahan Kimia	37
28.	Kawalan Pengangkutan Dan Pengedaran	37
29.	Kawalan Keselamatan dan Kualiti Produk	37
30.	Kawalan Kebolehkesanan *(Traceability)*	38
	Komponen 3 : Keperluan Spesifik Bagi Punca Bekalan Air Awam Dirawat	
31.	Kawalan Pemprosesan Punca Bekalan Air Awam Dirawat	40
	Komponen 4 : Keperluan Spesifik Bagi Punca Air Tanah	
32.	Laporan Hidrogeologi dan Geologi	41
	BAHAGIAN 3 : KEPERLUAN PELABELAN AMB/AMS	
33.	Surat Perakuan Label	42
34.	Pelabelan Produk AMB/AMS	43
35.	Pertanyaan	48
36.	Senarai Lampiran dan Jadual	49
37.	Rujukan	51

PENGENALAN

Garis Panduan Permohonan Lesen Untuk Mengambil Air Minuman Berbungkus (AMB) dan Air Mineral Semulajadi (AMS) Daripada Punca Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Tempatan) merupakan panduan kepada pengusaha untuk membuat permohonan lesen punca AMB dan AMS tempatan.

Garispanduan ini terbahagi kepada tiga Bahagian iaitu :

a) Bahagian 1: Panduan Permohonan
b) Bahagian 2: Keperluan Spesifik Premis yang mengandungi 4 komponen.
c) Bahagian 3 : Pelabelan Produk AMB/AMS

1.1 Air Minuman Berbungkus (AMB)

Di bawah Peraturan 360B, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah memperuntukkan:

1.1.1 Tiada seorang pun boleh mengambil air minuman dari mana-mana punca bagi tujuan perniagaan atau perdagangan tanpa mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.1.2 AMB boleh mengandungi tambahan klorida, bikarbonat dan sulfat bagi kalsium, magnesium, kalium dan sodium serta karbon dioksida.

1.1.3 AMB hendaklah mematuhi standard sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima.

1.2 Air Mineral Semulajadi (AMS)

Di bawah Peraturan 360A, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah memperuntukkan:

1.2.1 AMS hendaklah:

i. Diperolehi secara langsung di tempat kemunculan semulajadi atau pengabstarakan buatan air itu dan diambil mengikut keadaan yang menjamin ketulenan bakteria semulajadinya; dan
ii. Dibungkus seberapa dekat dengan tempat kemunculan puncanya mengikut amalan kebersihan yang baik.

1.2.2 Tiada seorang pun boleh mengambil AMS dari mana-mana punca bagi tujuan perniagaan atau perdagangan tanpa mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia.

1.2.3 AMS tidak boleh diperkuatkan atau diperkayakan dan hanya boleh dirawat tanpa mengubah kandungan juzuk air tersebut dengan satu atau beberapa rawatan berikut:

i. Penyiringan atau penapisan atau kedua-duanya
ii. Pengklorinan diikuti dengan pendeklorinan
iii. Pengudaraan
iv. Pendeudaraan
v. Pengkarbonan
vi. Pendekarbonan
vii. Pensterilan ultraungu
viii. Pengozonan
viii. Pempasteuran; dan

1.2.4 AMS hendaklah mematuhi standard sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Enam.

Di samping itu, premis pemprosesan AMB/AMS juga tertakluk kepada peruntukan tertentu di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 termasuklah menyediakan dan mengadakan suatu program jaminan keselamatan makanan yang didokumenkan. Garis panduan ini perlu dibaca secara bersama dengan Contoh Manual Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi yang disediakan oleh Program ini.

1.3 Bekalan Air Yang Selamat

Di bawah Peraturan 394, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah memperuntukkan:

1.3.1 Air hendaklah bersih dan tidak tercemar, tidak mempunyai rasa yang tak disukai dan tidak berbau busuk, dan hendaklah mematuhi standard sebagaimana ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima A.

1.3.2 Dalam peraturan ini, sebutan mengenai ‘air minuman’ hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai ‘air’ sebagaimana dinyatakan dalam subperaturan (1).

Maka air yang dibotolkan sebagai air minuman sama ada AMB atau AMS perlu mematuhi Peraturan 394, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

2.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua pengusaha AMB/AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan yang merangkumi aktiviti pemprosesan, pembungkusan, penyimpanan, penstoran dan pengedaran produk AMB dan AMS tempatan untuk tujuan pasaran di Malaysia.

3.0 DEFINISI

Bagi tujuan Garis Panduan Permohonan Lesen Untuk Mengambil Air Minuman Berbungkus Dan Air Mineral Semulajadi Daripada Punca Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan (Tempatan), definisi berikut adalah terpakai:

3.1 Pengarah

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) ((TKPK (KA)), Kementerian Kesihatan Malaysia adalah dirujuk sebagai Pengarah di bawah peruntukan Akta Makanan 1983)

3.2 KKM

Kementerian Kesihatan Malaysia

3.3 IPPKKM

Ibu Pejabat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

3.4 JKN

Jabatan Kesihatan Negeri

3.5 PKD / PKB / PKK

Pejabat Kesihatan Daerah / Pejabat Kesihatan Bahagian / Pejabat Kesihatan Kawasan

3.6 Program Jaminan Keselamatan Makanan

Suatu sistem amalan yang terancang dan didokumenkan yang memberi jaminan bahawa mana-mana jenis makanan tertentu tidak akan memudaratkan pengguna apabila ia dimakan.

3.7 Air Minuman Berbungkus (AMB)

Air minuman atau air minuman yang diperlakukan dan mematuhi Jadual Ke-25 Peraturan-Peraturan Makanan 1985 selain daripada air mineral semulajadi, yang berkedap dalam botol atau lain-lain bungkusan dan

dicadangkan untuk makanan manusia. AMB boleh mengandungi tambahan klorida, bikarbonat dan sulfat bagi kalsium, magnesium, kalium dan sodium serta karbon dioksida.

3.8 Air Mineral Semulajadi (AMS)

Air yang tersimpan dalam lapisan tanah atau batuan di bawah permukaan bumi seperti mata air, telaga, gerekan atau lain-lain jalan keluar, dengan atau tanpa tambahan karbon dioksida.

3.9 Air Permukaan

Air hujan yang mengalir di permukaan bumi seperti sungai, tasik dan empangan.

3.10 Premis

Sebarang bangunan atau khemah atau apa-apa struktur kekal atau sebaliknya bersama-sama dengan tanah dan bangunan, atau struktur lain yang terletak dan sebarang perkongsian tanah yang digunakan bagi penyediaan, pengawetan, pembungkusan, penyimpanan, pembawaan, pengedaran dan penjualan sebarang jenis makanan.

3.11 Manual Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus / Air Mineral Semulajadi

Dokumen yang menjelaskan aktiviti pelaksanaan kawalan keselamatan AMB/AMS di dalam premis berkenaan.

3.12 Audit Kecukupan

Audit Kecukupan merupakan aktiviti semakan Manual Kawalan Keselamatan untuk memastikan manual tersebut merangkumi semua elemen di dalam garis panduan permohonan lesen.

3.13 Verifikasi Premis

Verifikasi premis melibatkan aktiviti audit dan pemeriksaan berasaskan bukti yang dilakukan di lapangan secara bebas dan sistematik, dilakukan oleh anggota terlatih, bagi mengenalpasti kepatuhan terhadap elemen dan aktiviti keselamatan makanan berdasarkan keperluan Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

3.14 Makmal diluluskan

Makmal yang diluluskan oleh Menteri di bawah Seksyen 3A, Akta Makanan 1983 iaitu Jabatan Kimia Malaysia dan Agensi Nuklear Malaysia.

3.15 Makmal diiktiraf

Makmal yang diakreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

3.16 Ketidakpatuhan

Aktiviti yang dijalankan tidak mematuhi atau mengikut prosedur yang sedia ada.

3.17 Permintaan Tindakan Pembetulan (*(*Corrective Action Request *(*CAR*))*

Ketidakpatuhan yang didokumenkan oleh pegawai verifikasi dan memerlukan tindakan pembetulan oleh pemohon.

3.18 Pensampelan

Pensampelan yang dijalankan oleh pegawai berkuasa di bawah Akta Makanan 1983, Kementerian Kesihatan Malaysia di premis pemohon untuk tujuan kelulusan lesen, pemantauan KKM atau pada bila-bila masa mengikut keperluan.

3.19 Pensampelan bagi pemantauan sendiri

Pensampelan yang dijalankan oleh pemegang lesen bagi tujuan pemantauan sendiri.

3.20 *Food Safety System of Malaysia* (FoSIM)

Sistem Maklumat Keselamatan Makanan Malaysia untuk membangunkan dan melaksanakan aplikasi enterprise untuk PKKM dengan menyediakan gerbang tunggal bagi industri makanan berpusat, yang boleh diakses melalui portal web dan aplikasi mudah alih.

3.21 Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)

Agensi yang memberikan sokongan dan perakuan bagi permohonan lesen AMS atau AMB yang berpunca daripada air bawah tanah (termasuklah mata air /*spring water*).

3.22 Juruaudit/ Pegawai Pemeriksa

Pegawai Teknologi Makanan/ Penolong Pegawai Teknologi Makanan/ Pegawai Kesihatan Persekitaraan/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaraan yang berkhidmat di IPPKKM/ JKN/ PKD/ PKB/ PKK.

BAHAGIAN 1 : PANDUAN PERMOHONAN

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarikat yang ingin memohon **Lesen Untuk Mengambil Air Minuman/Air Mineral Semulajadi Daripada Punca Bagi Maksud Perdagangan Atau Perniagaan** perlu mematuhi syarat- syarat berikut:

4.1 Premis pemprosesan AMB/AMS telah siap dibina serta sedia untuk beroperasi dalam keadaan sebenar.

4.2 Syarikat hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi yang setara dengannya.

4.3 Premis pemprosesan AMB/AMS hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pendaftaran premis boleh dilakukan secara dalam talian *(online)* melalui laman sesawang *Food Safety Information System of Malaysia* (FoSIM) (Pautan :http://fosim.moh.gov.my)

4.4 Syarikat hendaklah mempunyai Manual Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi dengan kandungan minimum seperti di Lampiran 1.

4.4.1 Manual ini hendaklah mengandungi semua elemen yang mempunyai maklumat syarikat, sumber air, sistem rawatan, sistem operasi dan amalan pengilangan yang baik yang perlu diamalkan oleh syarikat.

4.4.2 Pemohon boleh merujuk kepada Contoh Manual Kawalan Keselamatan AMB/AMS di laman sesawang http://fsq.moh.gov.my untuk menyediakan manual tersebut.

4.4.3 Bagi syarikat yang telah mendapat pengiktirafan MeSTI/GMP atau HACCP dari KKM, pemohon boleh mengemukakan Manual MeSTI/GMP atau HACCP sedia ada. Pemohon perlu memastikan skop MeSTI/GMP/HACCP tersebut merangkumi kawalan keselamatan terhadap AMB/AMS berkenaan.

4.5 Label Produk AMB/AMS perlu mendapat kelulusan perakuan label dari Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM), KKM menggunakan Borang seperti di Lampiran 3.

4.6 Bagi sumber air daripada bawah tanah, pemohon perlu mendapatkan Surat Perakuan dan Sokongan dari Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) negeri.

4.7 Nilai minimum *total dissolved solids* (TDS) bagi AMS perlulah 50 mg/L. Sekiranya nilai TDS didapati kurang dari 50 mg/L, ianya akan dikategorikan sebagai AMB.

4.8 Pemohon perlu mendapatkan dokumen kebenaran/ sokongan mengikut kehendak pihak berkuasa yang berkaitan (kerajaan negeri/ agensi berkaitan) bagi permohonan AMB daripada air permukaan (tasik, kolam, sungai, laut dll).

4.9 Pemohon hendaklah melengkapkan terlebih dahulu keperluan di atas sebelum permohonan dihantar melalui sistem FoSIM.

4.10 Pemohon hendaklah memahami semua terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.11 Adalah menjadi tanggungjawab pemohon mematuhi keperluan-keperluan lain yang ditetapkan di bawah agensi-agensi lain yang berkaitan.

5.0 PROSEDUR PERMOHONAN

5.1 Prosedur permohonan melibatkan permohonan baharu, pindaan dan cetakan semula lesen.

5.2 Permohonan hendaklah dibuat secara dalam talian (online) melalui laman sesawang FoSIM (Pautan: http://fosim.moh.gov.my) dengan merujuk Manual Pelesenan AMB/AMS (Pemohon).

6.0 PERMOHONAN BAHARU

6.1 Pemohon hendaklah memuatnaik dokumen sokongan ke dalam sistem FoSIM semasa membuat permohonan seperti berikut :

6.1.1 Salinan kad pengenalan pemohon.

6.1.2 Salinan sijil pendaftaran perniagaan daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau agensi yang setara dengannya.

6.1.3 Manual Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus/ Air Mineral Semulajadi.

6.1.4 Surat Kelulusan Perakuan Label AMB /AMS dari PKKM, KKM

6.1.5 Bagi permohonan AMB:

6.1.5.1 Salinan bil bekalan air terkini bagi punca bekalan air awam.

6.1.5.2 Dokumen kebenaran/ sokongan mengikut kehendak pihak berkuasa yang berkaitan (kerajaan negeri/ agensi berkaitan) bagi punca air permukaan (tasik, kolam, sungai, laut dll).

6.1.6 Bagi permohonan AMS, pemohon perlu mendapat surat perakuan dan sokongan daripada Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) negeri. Surat perakuan dan sokongan ini hanya sah dalam **tempoh 6 bulan** dari tarikh ianya dikeluarkan.

6.1.7 Selepas permohonan berserta dokumen sokongan dihantar, pemohon akan menerima notifikasi melalui sistem FoSIM untuk membuat bayaran fi proses.

6.1.7.1 Fi Proses adalah sebanyak RM130.00 bagi setiap permohonan dan tidak akan dikembalikan.

6.1.7.2 Kaedah bayaran bagi fi proses adalah secara dalam talian melalui sistem FoSIM.

6.1.7.3 Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh 30 hari selepas menerima notifikasi, permohonan akan terbatal dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu.

Nota : Rujuk carta alir permohonan lesen AMB/AMS seperti di Lampiran 2.

7.0 PROSES KELULUSAN

7.1 Semakan Kecukupan Maklumat dan Dokumen Permohonan

7.1.1 Maklumat permohonan, dokumen sokongan dan manual yang dikemukakan dalam sistem FoSIM akan disemak oleh pihak JKN/PKD/PKB/PKK.

7.1.2 JKN/PKD/PKB/PKK akan memproses permohonan yang lengkap manakala permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan kepada pemohon melalui maklumbalas dalam sistem FoSIM.

7.2 Audit Kecukupan (Manual Keselamatan Kawalan Keselamatan AMB/AMS)

7.2.2 JKN/PKD/PKB/PKK akan menjalankan audit kecukupan terhadap manual keselamatan makanan AMB/AMS berdasarkan keperluan Kandungan Minimum Manual Kawalan Keselamatan AMB/AMS di Premis Pemprosesan AMB/AMS.

7.2.3 JKN/PKD/PKB/PKK akan memaklumkan pemohon sekiranya terdapat ketidakcukupan dokumen dalam manual melalui sistem FoSIM. Pemohon perlu mengemukakan maklumbalas tersebut berserta manual yang telah dikemaskini untuk semakan semula.

7.2.4 Jika pemohon gagal mengemukakan apa-apa maklumbalas dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh permohonan secara dalam talian dihantar, permohonan akan terbatal.

7.3 Verifikasi Premis

7.3.2 Verifikasi premis bagi kilang AMB/AMS akan dijalankan di bawah kepatuhan dan keperluan skim pensijilan MeSTI dan keperluan spesifik AMB/AMS. Segala keperluan di bawah skim pensijilan yang diperolehi perlu dipatuhi sepenuhnya.

7.3.3 Makluman verifikasi akan dimaklumkan oleh JKN/PKD/PKB/PKK kepada pemohon melalui sistem FoSIM setelah tarikh verifikasi premis dipersetujui bersama di antara JKN/PKD/PKB/PKK dan pemohon.

7.3.4 Verifikasi premis akan dijalankan oleh juruaudit berdasarkan kepatuhan kepada elemen-elemen yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

7.3.5 Sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan semasa verifikasi dijalankan, Permintaan Tindakan Pembetulan (CAR) akan dikeluarkan kepada pemohon.

7.3.6 Pemohon hendaklah memaklumkan JKN/PKD/PKB/PKK berkenaan tindakan pembetulan yang akan diambil terhadap CAR yang dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh verifikasi dijalankan.

7.3.7 Pemohon perlu mengemukakan maklumbalas bagi semua CAR yang ditemui semasa verifikasi dengan memuatnaik maklum balas CAR berserta bukti bergambar atau dokumen sokongan yang berkaitan melalui sistem FoSIM.

7.3.8 Kegagalan pemohon mengambil tindakan pembetulan dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh CAR dikeluarkan akan menyebabkan permohonan terbatal.

7.3.9 Sekiranya perlu, verifikasi susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua CAR telah diambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

7.4 Pensampelan

7.4.2 Pensampelan Bagi Tujuan Permohonan Lesen

7.4.2.1 Pensampelan dijalankan bagi memastikan tahap kepatuhan produk yang dihasilkan mematuhi Peraturan-Peraturan Makanan 1985 sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima (**Jadual A**) bagi AMB dan Jadual Kedua Puluh Enam (**Jadual B**) bagi AMS.

7.4.2.2 Selepas verifikasi dijalankan:

7.4.2.2.1 Sekiranya tiada CAR dikeluarkan, pensampelan produk akhir akan dijalankan **dalam tempoh lima (5) hari bekerja.**

7.4.2.2.2 Sekiranya terdapat CAR, pensampelan produk akhir akan dijalankan **dalam tempoh lima (5) hari bekerja selepas CAR ditutup.**

7.4.1.2 Pemohon perlu menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk tujuan pensampelan. (Rujuk Jadual C : Maklumat Aktiviti Pensampelan Bagi Pelesenan AMB/ AMS). Kos analisis adalah ditanggung oleh pemohon.

7.4.1.3 Sampel hendaklah dihantar oleh pemohon ke makmal-makmal yang diluluskan atau makmal yang diiktiraf oleh KKM. Pemohon hendaklah menghubungi pihak makmal yang berkenaan terlebih dahulu bagi urusan penghantaran sampel. Senarai makmal adalah seperti di Lampiran 4.

7.4.1.3.1 Pemohon hendaklah mengemukakan salinan laporan keputusan analisis (CoA) dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** kepada JKN/PKD/PKB/PKK daripada tarikh CoA diterima.

7.4.1.3.2 JKN/PKD/PKB/PKK perlu menyemak, mengemaskini keputusan analisis dan memuatnaik CoA ke dalam sistem FoSIM.

7.4.1.3.3 CoA untuk keperluan kelulusan lesen hanya sah digunakan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh ianya dikeluarkan.**

7.4.2 Pensampelan Semula Sekiranya Terdapat Pelanggaran Semasa Proses Permohonan Lesen

7.4.2.2 Sekiranya terdapat pelanggaran ke atas sampel yang telah dianalisis, pemohon hendaklah menjalankan siasatan terhadap punca pelanggaran dan membuat tindakan pembetulan **dalam tempoh 14 hari dari tarikh CoA diterima oleh pihak JKN/PKD/PKB/PKK**.

7.4.2.3 Pemohon hendaklah memaklumkan kepada JKN/PKD/PKB/PKK setelah semua tindakan pembetulan diambil. JKN/PKD/PKB/PKK akan menjalankan verifikasi ke atas semua tindakan pembetulan tersebut.

7.4.2.4 Pensampelan semula akan dijalankan setelah semua tindakan pembetulan memuaskan. **Had kekerapan pensampelan semula adalah dua (2) kali.**

7.4.2.5 Sekiranya keputusan pensampelan masih tidak mematuhi, permohonan akan terbatal.

7.5 Laporan Akhir

7.5.1 JKN/PKD/PKB/PKK akan menyediakan laporan akhir permohonan dengan mengemaskini maklumat verifikasi dan pensampelan dalam sistem FoSIM setelah semua tindakan pembetulan serta laporan keputusan analisis pensampelan mematuhi.

7.5.2 Laporan akhir akan dihantar kepada Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Keselamatan dan Kualiti Makanan)/ Pegawai Kesihatan Daerah/ Pegawai Kesihatan Bahagian/ Pegawai Kesihatan Kawasan melalui sistem FoSIM bagi tujuan sokongan.

7.5.3 Laporan akhir berserta dengan dokumen permohonan dan keputusan analisis makmal akan dihantar ke IPPKKM melalui sistem FoSIM untuk tujuan kelulusan.

7.5.4 Selepas laporan akhir dihantar, pemohon akan menerima notifikasi melalui sistem FoSIM untuk membuat bayaran fi lesen.

7.5.4.1. Pemohon perlu membuat bayaran fi lesen secara dalam talian melalui sistem FoSIM sebanyak RM6,000 bagi setiap permohonan berdasarkan punca.

7.5.4.2 Sekiranya bayaran tidak dibuat dalam tempoh 30 hari selepas menerima notifikasi, permohonan akan dibatalkan dan pemohon perlu mengemukakan permohonan baharu.

7.6 Kelulusan lesen

7.6.1 Permohonan yang lengkap akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Air Minuman Berbungkus, Air Mineral Semulajadi, Ais, dan Mesin Jual Air untuk tujuan kelulusan.

7.6.2 Sekiranya permohonan tidak lengkap, IPPKKM akan mengemukakan maklumbalas kepada JKN/PKD/PKB/PKK melalui sistem FoSIM.

7.6.3 Lesen akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan daripada Pengarah.

7.6.4 Pemohon yang telah mendapat kelulusan lesen AMB/AMS layak untuk mendapat pensijilan MeSTI.

8.0 TEMPOH SAHLAKU LESEN

Tempoh sahlaku lesen adalah seumur hidup bermula daripada tarikh lesen dikeluarkan.

9.0 PEMANTAUAN

9.1 Pensampelan Pemantauan Sendiri

9.1.1 Pemantauan sendiri perlu dijalankan oleh pemegang lesen setelah kelulusan diperolehi daripada IPPKKM.

9.1.2 Sistem akan memberikan notifikasi kepada pemegang lesen untuk menghantar sampel bagi tujuan pemantauan sendiri setiap tahun dari tarikh lesen yang diluluskan.

9.1.3 Parameter yang perlu dianalisis adalah seperti berikut:

PELESENAN	**Bakteriologi**	**Fizikal**	**Kimia**
AMB	Jumlah koliform *E.coli* *Cl. Perfringens* *P. aeruginosa*	pH Warna Kekeruhan	Aluminium Ammonia Arsenik Ferum Kloroform Nitrit (NO_2) Plumbum
AMS	Organisma koliform *E.coli*	Tiada	Arsenik Nitrit (NO_2) Plumbum

9.1.4 Sampel AMB/AMS perlu dihantar ke mana-mana makmal yang diiktiraf oleh KKM.

9.1.5 Keputusan analisis pensampelan sendiri hendaklah dikunci masuk (*key-in*) oleh pemohon dalam sistem FoSIM dan salinan keputusan analisis perlu dimuatnaik dalam sistem FoSIM.

9.1.6 Bagi AMS yang mempunyai lebih dari satu (1) punca, pemantauan sendiri perlu dijalankan bagi setiap punca yang dilesenkan.

9.1.7 Sekiranya berlaku krisis/ aduan/ pelanggaran sampel, siasatan dan tindakan penggantungan akan melibatkan kesemua punca yang dilesenkan.

9.1.8 Pemantauan sendiri bagi pembungkus bukan lutsinar (contohnya: tetrapak atau tin) perlu dijalankan sepertimana kelulusan oleh IPPKKM.

9.1.9 Sekiranya keputusan analisis bagi pensampelan pemantauan sendiri AMB/AMS didapati melanggar Peraturan-Peraturan Makanan 1985, adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk **menarik balik produk yang berada di pasaran dengan serta-merta** sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13C(2) Akta Makanan 1983.

9.1.10 Kegagalan pihak syarikat untuk menjalankan pemantauan sendiri boleh mengakibatkan tindakan penggantungan lesen diambil pada bila-bila masa.

9.2 Pemantauan KKM

9.2.1 Pemantauan KKM akan dijalankan sekali dalam tempoh tiga (3) tahun.

9.2.2 JKN/PKD/PKB/PKK akan menerima notifikasi untuk menjalankan pemantauan KKM melalui sistem FoSIM.

9.2.3 Pemantauan KKM melibatkan aktiviti-aktiviti seperti berikut:

9.2.3.1 JKN/PKD/PKB/PKK akan mengesahkan sama ada pihak syarikat telah menjalankan pemantauan sendiri dalam tempoh enam (6) bulan selepas makluman notifikasi diterima oleh pihak syarikat melalui sistem FoSIM.

9.2.3.2 Pemantauan ke atas premis AMB/AMS akan dijalankan mengikut keperluan skim pensijilan MeSTI atau pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan lain. Semua keperluan di bawah skim pensijilan yang diperolehi perlu dipatuhi sepenuhnya.

9.2.3.3 Sekiranya JKN/PKD/PKB/PKK menerima notifikasi untuk menjalankan pemantauan bagi pensijilan PJKM (MeSTI/GMP/HACCP), pemantauan bagi AMB/AMS boleh dijalankan bersekali dengan pemantauan tersebut.

9.2.4 Pensampelan hendaklah dijalankan bagi kesemua parameter sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima (Jadual A) bagi AMB dan Jadual Kedua Puluh Enam (Jadual B) bagi AMS.

9.2.5 Penghantaran sampel dan kos analisis adalah di bawah tanggungjawab pemegang lesen.

9.2.6 Sekiranya keputusan analisis bagi pensampelan AMB/AMS didapati melanggar:

i) PKD/PKB/PKK akan mengeluarkan surat pemakluman pelanggaran sampel dan surat makluman penarikan semula produk di pasaran kepada pemegang lesen (rujuk Lampiran 5).

ii) Pemegang lesen hendaklah **menarik balik produk yang berada di pasaran dengan serta-merta** (rujuk carta alir di Lampiran 6).

iii) Pemegang lesen perlu mengemukakan maklumbalas ke atas produk yang ditarik balik dengan menggunakan Lampiran 1 dalam surat pemakluman pelanggaran sampel yang diterima daripada PKD/PKB/PKK.

10.0 PERMOHONAN PINDAAN LESEN

10.1 Perubahan Sistem Rawatan/ Pemprosesan/ Struktur Premis

10.1.1 Pemegang lesen perlu membuat permohonan pindaan lesen melalui sistem FoSIM jika terdapat perubahan/ pertukaran yang melibatkan:

i) penambahan peralatan baru
ii) perubahan sistem rawatan air
iii) penambahan *line* pemprosesan
iv) perubahan struktur pada premis yang memberi kesan kepada pelan pemprosesan
v) perubahan label produk

10.1.2 Bagi pindaan (i) – (iv), pemegang lesen perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

a) carta alir proses yang terkini
b) Pelan susun atur terkini
- pelan lantai bangunan yang disahkan oleh jurutera perunding
- pelan lantai bagi kedudukan ruang-ruang pemprosesan
- pelan lantai kedudukan peralatan pemprosesan
- pelan lantai aliran pemprosesan
- pelan lantai aliran pekerja
- pelan sistem pemasangan paip pemprosesan yang disahkan oleh jurutera yang bertauliah
- pelan skematik proses rawatan air
c) Spesifikasi peralatan
d) Maklumat kawalan proses
e) Maklumat sistem air rawatan

10.1.3 Verifikasi premis dan pensampelan perlu dijalankan (jika perlu) akan dimaklumkan oleh IPPKKM kepada JKN/PKD/PKB/PKK melalui sistem FoSIM. Proses sebagaimana di perenggan 7.3 hingga 7.4 akan digunapakai.

10.1.4 JKN/PKD/PKB/PKK perlu mengemukakan laporan akhir verifikasi bersama keputusan analisis (jika berkaitan) melalui sistem FoSIM.

10.1.5 Laporan akhir verifikasi akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan AMB/AMS, Ais dan MJA untuk tujuan kelulusan. Surat rasmi akan dikeluarkan setelah mendapat kelulusan Pengarah.

10.1.6 Pemegang lesen dibenarkan menjalankan operasi pengeluaran produk AMB/AMS menggunakan peralatan/ sistem rawatan air baharu dalam tempoh enam (6) bulan bermula penggunaan peralatan/ sistem rawatan tersebut.

10.1.7 Sekiranya permohonan tidak disokong oleh JKN/PKD/PKB/PKK, penggunaan peralatan atau sistem rawatan air baharu perlu dihentikan serta-merta dan permohonan tersebut tidak diluluskan.

10.2 Perubahan Maklumat Pemegang Lesen AMB/AMS

10.2.1 Perubahan maklumat pemegang lesen merangkumi perubahan:

10.2.1.1 Nama pemilik
10.2.1.2 Nama premis pemprosesan
10.2.1.3 Alamat perniagaan

10.2.2 Pemegang lesen perlu membuat permohonan pindaan maklumat lesen melalui sistem FoSIM dan memuatnaik dokumen berikut:

10.2.2.1 Salinan kad pengenalan pemilik baharu
10.2.2.2 Salinan SSM atau setara
10.2.2.3 Perjanjian jual beli
10.2.2.4 Surat rasmi makluman perubahan pemegang lesen

10.2.3 Lesen asal hendaklah dikembalikan ke IPPKKM.

10.2.4 Bayaran sebanyak RM 100.00 akan dikenakan bagi pindaan yang melibatkan perubahan maklumat pada lesen.

11.0 PERMOHONAN PENAMATAN PENGGUNAAN LABEL AMB/AMS

11.1 Pemegang lesen perlu membuat permohonan penamatan penggunaan label bagi AMB/AMS yang tidak lagi digunakan melalui sistem FoSIM.

11.2 Pemegang lesen AMB/AMS yang sah dan aktif sahaja yang boleh membuat permohonan penamatan label.

12.0 CETAKAN SEMULA LESEN

12.1 Permohonan cetakan semula lesen boleh dibuat atas sebab-sebab berikut :

i) Lesen asal rosak
ii) Lesen asal hilang
iii) Perubahan maklumat dalam lesen

12.2 Permohonan hendaklah dibuat melalui sistem FoSIM.

12.3 Bayaran bagi permohonan cetakan semula lesen adalah sebanyak RM100.00. Sistem FoSIM akan menghantar notifikasi kepada pemohon untuk membuat pembayaran.

12.4 IPPKKM akan mengeluarkan lesen baru selepas permohonan untuk cetakan semula diluluskan.

12.5 Lesen asal perlu dikembalikan kepada IPPKKM.

13.0 PENGGANTUNGAN LESEN

13.1 Lesen akan digantung atas sebab-sebab berikut:

13.1.1 Pemegang lesen gagal mematuhi Syarat-Syarat Pemegang Lesen (Lampiran 7 bagi AMB dan Lampiran 8 bagi AMS); dan

13.1.2 Aduan berkaitan isu keselamatan makanan serta kejadian penyakit bawaan air dan makanan yang disahkan berpunca dari kilang.

13.2 Tempoh penggantungan adalah bergantung kepada keputusan Pengarah.

13.3 Aktiviti pemprosesan dan pengeluaran AMB/AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan adalah **tidak dibenarkan** dan pemegang lesen perlu menjalankan tindakan pembetulan sepanjang tempoh penggantungan lesen.

13.4 Sekiranya pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembetulan atau tiada penambahbaikan yang diambil dalam tempoh penggantungan lesen, tindakan pembatalan lesen boleh diambil.

14.0 PERMOHONAN PELEPASAN PENGGANTUNGAN

14.1 Pemegang lesen telah menjalankan tindakan pembetulan dalam tempoh

penggantungan lesen dan telah mendapat pengesahan daripada JKN/PKD/PKB/PKK.

14.2 JKN/PKD/PKB/PKK perlu membuat laporan pelepasan penggantungan dan menghantar melalui sistem FoSIM.

14.3 Permohonan pelepasan penggantungan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan AMB, AMS, Ais dan MJA.

14.4 Surat pelepasan penggantungan akan dikeluarkan berdasarkan kelulusan Pengarah.

15.0 PEMBATALAN LESEN

15.1 Lesen akan dibatalkan atas sebab-sebab berikut :

15.1.1 Pemegang lesen mengemukakan surat untuk membatalkan lesen secara sukarela.

15.1.2 Premis didapati sudah tidak beroperasi di lokasi yang telah diberi kelulusan lesen dan disahkan oleh JKN/PKD/PKB/PKK.

15.1.2.1 JKN/PKD/PKB/PKK perlu membuat laporan verifikasi premis.
15.1.2.2 Pemegang lesen perlu mengemukakan surat Akuan Sumpah.

15.1.3 Pemegang lesen menggunakan sumber air untuk penyediaan AMB/AMS selain daripada sumber air yang diberikan kelulusan lesen oleh Pengarah.

15.1.4 Pemegang lesen gagal menjalankan tindakan pembetulan atau tiada tindakan penambahbaikan diambil dalam tempoh penggantungan lesen.

15.1.5 Menjalankan pemprosesan dan pengeluaran AMB/AMS dalam tempoh penggantungan lesen.

15.1.6 Premis didapati tidak menjalankan pengeluaran AMB/AMS dalam tempoh tempoh **tiga (3) tahun** dan disahkan oleh JKN/PKD/PKB/PKK.

15.2 JKN/PKD/PKB/PKK perlu membuat laporan untuk pembatalan lesen melalui sistem FoSIM dengan memuatnaik dokumen sokongan yang berkaitan.

15.3 Tindakan pembatalan lesen adalah tertakluk kepada keputusan Pengarah.

15.4 Lesen hendaklah dikembalikan kepada IPPKKM apabila lesen dibatalkan.

15.5 Pemegang lesen boleh membuat permohonan baharu sekiranya masih berminat untuk mengeluarkan produk AMB/AMS.

16.0 TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkusaan boleh diambil bagi mana-mana kilang yang beroperasi tanpa lesen serta tidak mematuhi keperluan perundangan yang lain.

17.0 PENGECUALIAN

17.1 Pengarah berhak membatalkan mana-mana permohonan yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

17.2 Pihak IPPKKM boleh memberi kebenaran atau pengecualian ke atas garis panduan bagi kes-kes tertentu (*case by case*).

BAHAGIAN 2 : KEPERLUAN PREMIS AMB/AMS

Mengikut senarai semak MESTI dan keperluan spesifik

KOMPONEN 1 : KEPERLUAN AM

Komponen ini menjelaskan secara terperinci keperluan-keperluan am yang perlu diambil perhatian oleh pemohon dalam memastikan permohonan lesen punca AMB atau AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan lengkap.

18.0 BANGUNAN DAN KEMUDAHAN

Premis kilang hendaklah mematuhi ciri-ciri standard di bawah Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP) dan mematuhi kehendak-kehendak yang telah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pembinaan dan pengubahsuaian premis penyediaan AMB/AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan hendaklah mengambil kira elemen-elemen yang digariskan di bahagian ini sebagai satu panduan.

18.1 Pelan Lokasi Kilang

Premis penyediaan AMB/AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan hendaklah terletak jauh dan terkawal daripada punca pencemaran termasuk kolam pengudaraan, tangki septik dan tapak pelupusan sampah. Maklumat kedudukan premis penyediaan AMB/AMS perlu menjelaskan perkara-perkara berikut :

a. Keterangan lokasi dan alamat kilang
b. Keluasan tanah dan lokasi punca (jika AMS)
c. Persekitaran kilang
d. Bekalan air
e. Jarak kilang dengan sumber-sumber pencemaran seperti kolam pengudaraan, tangki septik, tapak pelupusan sampah
f. Risiko bencana alam seperti banjir

18.2 Pelan Susun Atur Kilang

18.2.1 Premis AMB/AMS hendaklah mempunyai rekabentuk dan dibina supaya dapat mengawal risiko pencemaran. Premis juga hendaklah direkabentuk sesuai dengan tujuan penggunaannya.

18.2.2 Susun atur premis hendaklah membenarkan aliran proses yang baik, amalan kebersihan dan keselamatan yang baik termasuk pelindungan pencegahan serangan makhluk perosak dan

pencemaran silang di antara waktu operasi dan semasa operasi.

18.2.3 Aliran proses daripada sumber air sehingga produk akhir AMB/AMS hendaklah mengurangkan *'criss-crossing'* dan *'back tracking'* yang boleh menyebabkan pencemaran.

18.2.4 Premis hendaklah direkabentuk bagi memudahkan kerja-kerja pembersihan.

18.2.5 Kemudahan sanitasi yang mencukupi hendaklah disediakan.

18.2.6 Ruang pemunggahan hendaklah direkabentuk bersesuaian bagi membolehkan pemindahan produk akhir AMB/AMS dapat dilakukan dengan segera.

18.2.7 Bangunan hendaklah berada di dalam keadaan yang baik dan diselenggara bagi mengelakkan kemasukan makhluk perosak dan mencegah potensi tempat pembiakan.

18.2.8 Kawasan pemprosesan hendaklah dibina menggunakan bahan yang tidak mempunyai kesan toksik, permukaan yang tidak telap air, mudah dibersihkan dan sentiasa dijaga supaya sentiasa bersih dan diselenggara dengan baik. Di mana mungkin, penggunaan bahan kaca hendaklah dielakkan.

18.3 Peralatan & Perkakasan

18.3.1 Semua peralatan yang digunakan di premis bermula dari peralatan di punca air hingga kepada peralatan pembungkusan hendaklah disenaraikan.

18.3.2 Peralatan dan perkakasan yang digunakan semasa pemprosesan hendaklah mempunyai spesifikasi dan rekabentuk yang sesuai.

18.3.3 Gambar peralatan boleh digunakan dalam menjelaskan peralatan yang digunakan. Maklumat yang perlu disertakan adalah nama peralatan, jenama/model dan spesifikasinya.

18.3.4 Bagi peralatan dan perkakasan yang bersentuhan dengan AMB/AMS, agen pembersihan dan sanitasi hendaklah daripada bahan yang tidak reaktif dan mudah menghakis serta mudah dibersihkan dan disanitasi.

18.3.5 Semua peralatan hendaklah diletakkan di mana ia mudah digunakan bagi tujuan penyelenggaraan, pembersihan peralatan dan ruang-

ruang yang berhampiran.

18.3.6 Penyelenggaraan peralatan hendaklah dijalankan mengikut jadual.

18.3.7 Kalibrasi peralatan hendaklah dijalankan oleh badan kalibrasi yang diiktiraf oleh agensi yang berkaitan.

18.4 Bekalan Air

18.4.1 Bekalan air hendaklah bersumberkan dari air yang selamat dan mencukupi.

18.4.2 Kemudahan penyimpanan, pengedaran dan kawalan suhu hendaklah disediakan di mana bersesuaian.

18.4.3 Bekalan air yang selamat hendaklah digunakan untuk memproses AMB/AMS dan membasuh permukaan yang bersentuhan dengan AMB/AMS dan juga peralatan.

18.4.4 Kemudahan penyimpanan air dan sistem pembekalan air hendaklah direkabentuk sempurna bagi mengelakkan pencemaran dan *'back flow'* atau *'siphonage'.*

18.5 Keperluan Am

18.5.1 Lantai di kawasan basah hendaklah diperbuat daripada bahan yang bersesuaian, mudah dibersihkan serta direkabentuk bagi membolehkan penyaliran air yang mencukupi.

18.5.2 Lekapan, saluran dan paip hendaklah dipasang dengan cara bersesuaian supaya titisan atau kondensasi tidak mencemarkan peralatan dan permukaan yang bersentuhan dengan AMB/AMS.

18.5.3 Ruang Pemprosesan

Permukaan yang bersentuhan dengan AMB/AMS hendaklah rata, lengai dan tidak menyerap. Permukaan ini hendaklah berada dalam keadaan yang baik, tahan lama dan mudah dibersih, diselenggara dan dinyahjangkit.

18.5.4 Sinki Mencuci Tangan

Sinki tempat mencuci tangan hendaklah dilengkapi dengan kelengkapan yang mencukupi termasuk sabun cecair, tuala/tisu pakai buang atau alat pengering tangan automatik dan bekalan air bersih yang berterusan.

Sinki hendaklah dilengkapi dengan paip beroperasi secara bebas tangan (*hands free operated*) bagi kegunaan pengendali makanan. Notis (dalam apa jua bentuk) yang mengingatkan pengendali makanan untuk membasuh tangan sebersih-bersihnya sebelum memulakan kerja, sebaik selepas menggunakan tandas dan selepas mengendalikan makanan mentah atau apa-apa bahan yang mencemarkan hendaklah dipamerkan di sinki mencuci tangan.

18.5.5 Tandas

Pintu tandas hendaklah tidak terbuka secara langsung ke ruang pemprosesan dan penyimpanan AMB/AMS. Kemudahan membasuh tangan hendaklah dilengkapi dengan sinki, sabun cecair, tisu pakai buang/alat pengering tangan automatik dan bekalan air bersih.

18.5.6 Bilik/Ruang Persalinan

Bilik/ruang persalinan hendaklah mencukupi dan bersesuaian untuk pengendali makanan

18.5.7 Stor Penyimpanan

i) Kemudahan penyimpanan bagi produk AMB/AMS dan bahan kimia bukan makanan seperti bahan-bahan pembersihan, minyak pelincir dan bahan api hendaklah disediakan secara berasingan.

ii) Kemudahan penyimpanan produk AMB/AMS hendaklah direkabentuk dan dibina bagi:

a. Membenarkan kerja penyelenggaraan dan pembersihan dijalankan.
b. Mengelakkan kemasukan dan pembiakan makhluk perosak.
c. Membolehkan produk AMB/AMS dilindungi dengan sempurna daripada pencemaran semasa penyimpanan.
d. Memastikan keperluan dan keadaan persekitaran adalah sesuai bagi penyimpanan produk AMB/AMS (seperti; kawalan suhu dan kelembapan).
e. Memastikan kawalan keselamatan ke atas produk AMB/AMS yang dihasilkan.

iii) Produk AMB/AMS hendaklah disimpan atau disusun supaya terdapat ruang sekurang-kurangnya 15 sentimeter di antara dinding tempat penyimpanan dengan produk yang disimpan.

iv) Sebarang benda, lekapan atau peralatan yang bertujuan untuk digunakan bersama-sama tempat penyimpanan AMB/AMS, hendaklah dipasang sekurang-kurangnya 20 sentimeter dari lantai bagi memberi ruang untuk pembersihan dan penyahjangkitan apabila perlu, kecuali

produk AMB/AMS yang disimpan di atas palet tidak kurang daripada 15 sentimeter.

v) Di mana perlu,tempat penyimpanan berasingan bagi bahan-bahan pembersihan dan bahan-bahan merbahaya hendaklah disediakan. Ia hendaklah sentiasa dikunci dan hanya kakitangan yang dibenarkan sahaja mempunyai akses kepadanya.

18.5.8 Dinding, Siling, Kipas, Tingkap Dan Pintu

i) Dinding dan pembahagi hendaklah mempunyai permukaan yang rata dan tidak telap air serta mempunyai ketinggian yang sesuai dengan operasi pemprosesan.

ii) Siling dan lekapan di bahagian atas hendaklah dibina untuk mengurangkan pengumpulan kotoran, kondensasi, pengelupasan, serpihan dan mudah diselenggara.

iii) Tingkap hendaklah dibina bagi mengurangkan pengumpulan kotoran dan mudah dibersihkan. Di mana perlu, tingkap dipasang dengan skrin kalis serangga, mudah alih dan mudah dibersihkan. Seboleh mungkin, kawasan pemprosesan dibina tanpa tingkap.

iv) Pintu hendaklah mempunyai permukaan yang rata, tidak menyerap dan mudah dibersihkan, sekiranya perlu dinyahjangkit.

18.5.9 Pencahayaan

i) Lampu hendaklah berpenutup (contoh: lampu kalis pecah) di mana penutupnya diperbuat daripada bahan tahan pecah dan sentiasa dibersihkan bagi mengurangkan risiko pencemaran produk.

ii) Pencahayaan semulajadi atau buatan hendaklah dibekalkan bagi beroperasi dalam keadaan yang bersih. Kecerahan cahaya hendaklah mencukupi bagi memenuhi kehendak operasi. Pencahayaan minimum tidak kurang daripada 215 lux pada jarak 90 cm dari aras lantai.

18.5.10 Saliran/Longkang

i) Semua sistem saliran paip air (*plumbing*) dan pembuangan sisa cecair serta pembentungan, hendaklah mencukupi dan berkesan (*selfcleansing velocity*).

ii) Semua saliran hendaklah kedap air dengan sekatan dan lubang pengudaraan yang mencukupi.

iii) Bahan buangan yang tersekat di dalam sistem perparitan hendaklah selalu dibersihkan pada akhir hari bekerja.

18.5.11 Pengudaraan/ Pengalihudaraan
Pengudaraan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk mengelakkan bahang berlebihan, kondensasi, kotoran, asap dan wap untuk mengeluarkan udara dan bau yang tercemar.

19.0 PENGENDALI MAKANAN

19.1 Kesihatan Pengendali Makanan Dan Vaksinasi

19.1.1 Semua pengendali makanan hendaklah mendapat vaksinasi oleh pegawai perubatan yang berdaftar sebelum mula bekerja di premis AMB/AMS.

19.1.2 Pengendali makanan yang disahkan atau disyaki menghidap atau pembawa penyakit bawaan makanan hendaklah :

i) Melaporkan kepada pihak pengurusan dengan serta merta.

ii) Tidak dibenarkan untuk memasuki premis atau mengendali produk AMB/AMS.

iii) Diwajibkan mendapatkan rawatan serta digantung dari bekerja di premis sehingga disahkan telah sembuh oleh pegawai perubatan yang berdaftar.

19.1.3 Luka dan kecederaan hendaklah dibalut dengan pembalut kalis air yang sesuai di mana pengendali makanan berkenaan dibenarkan untuk meneruskan kerja.

19.2 Amalan Pengendali Makanan

19.2.1 Pengendali makanan hendaklah mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi dengan memakai pakaian/pakaian pelindung yang bersih dan sesuai dengan operasi seperti baju luar, penutup kepala, sarung tangan, apron, penutup mulut (*mask*) dan kasut yang bersesuaian di kawasan pemprosesan AMB/AMS.

19.2.2 Semua pengendali makanan hendaklah membasuh tangan dengan cara yang betul dengan menggunakan sabun cecair dan bekalan air yang bersih :

i) Pada permulaan aktiviti pengendalian.
ii) Selepas menggunakan tandas.
iii) Selepas bersin dan batuk sekiranya tidak dapat dielakkan.

19.2.3 Pengendali makanan hendaklah:

i) Mengekalkan kuku yang pendek dan bersih.

ii) Menanggalkan pakaian pelindung (iaitu baju luar/apron, penutup kepala) sebelum ke tandas.

iii) Tidak batuk, meludah, menjilat jari, menggaru badan, menghembus hidung, merokok atau mengunyah tembakau, sirih atau gula-gula getah, atau melibatkan diri dalam perlakuan yang boleh menyebabkan pencemaran AMB/AMS.

19.2.4 Barang kemas atau aksesori lain yang boleh menyebabkan pencemaran kepada produk adalah dilarang dipakai atau dibawa ke dalam kawasan pemprosesan AMB/AMS.

19.2.5 Pergerakan pengendali hendaklah tidak menyebabkan pencemaran silang kepada produk di mana aliran keluar masuk pengendali hendaklah dikawal bagi mengelakkan kemungkinan berlaku pencemaran.

19.2.6 Barangan peribadi atau pakaian tidak boleh disimpan di tempat pemprosesan AMB/AMS.

19.3 Kebersihan Diri Pengendali & Pelawat

19.3.1 Pelawat yang memasuki kawasan pemprosesan dan pengendalian AMB/AMS hendaklah memakai pakaian pelindung mengikut kesesuaian dan mematuhi peraturan kebersihan individu yang ditetapkan.

19.3.2 Pelawat hendaklah mengisi borang pengisytiharan kesihatan dan diiringi oleh kakitangan pengurusan apabila memasuki kawasan pemprosesan.

20.0 LATIHAN

20.1 Semua pengendali makanan wajib menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan di Sekolah Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua rekod latihan hendaklah didokumenkan.

20.2 Setiap pengendali makanan hendaklah menjalani latihan sebelum mula bekerja.

20.3 Pengendali makanan disarankan menjalani latihan tambahan untuk menambah tahap pengetahuan, kemahiran dan menambahbaik kompetensi diri.

20.4 Latihan hendaklah dijalankan mengikut jadual seperti yang telah ditetapkan dalam program latihan.

21.0 PENYELENGGARAAN DAN SANITASI

21.1 Kebersihan Premis

21.1.1 Premis dan peralatan hendaklah berada di dalam keadaan yang baik dan diselenggarakan untuk:

i) Memudahkan semua prosedur sanitasi

ii) Berfungsi seperti yang ditetapkan

iii) Mencegah produk dicemari oleh habuk, serpihan logam, kepingan plaster, debu dan bahan kimia.

21.1.2 Program penyelenggaraan pembersihan hendaklah dipantau secara berterusan dan didokumentasikan untuk memastikan keberkesanannya. Program penyelenggaraan pembersihan secara bertulis hendaklah merangkumi perkara seperti berikut:

iv) Kawasan.
v) Peralatan dan perkakasan.
vi) Tanggungjawab bagi tugasan tertentu.
vii) Kaedah dan kekerapan.
viii) Urusan pemantauan.

21.1.3 Bangunan, alat-alat lekapan dan kemudahan fizikal premis yang lain hendaklah diselenggara supaya dalam keadaan yang bersih dan dijaga dengan baik. Operasi penyelenggaraan hendaklah dilakukan dengan cara yang boleh melindungi produk AMB/AMS dan permukaan yang bersentuhan dengan produk atau bahan-bahan pembungkusan produk AMB/AMS daripada pencemaran.

21.1.4 Sebarang perubahan struktur, pembaikan, pengubahsuaian, kerja pemasangan paip saluran air hendaklah dijalankan tanpa penangguhan.

21.1.5 Semua peralatan hendaklah dibersihkan dan diselenggara dengan baik. Permukaan peralatan yang bersentuhan dengan AMB/AMS hendaklah dibersihkan dan disanitasi sebelum dan selepas operasi.

21.1.6 Alatan seperti penapis dan alat penyaringan hendaklah mudah dikeluarkan bagi tujuan pemeriksaan, penggantian dan pembersihan.

21.1.7 Keseluruhan premis hendaklah diselenggara supaya bersih, kemas dan bebas daripada sebarang pengumpulan kotak, tin, botol kosong, sampah sarap dan sebarang benda yang tidak berkenaan.

21.1.8 Bahan kimia yang digunakan dalam pembersihan hendaklah dikendalikan mengikut arahan-arahan pengeluar dan disimpan berasingan dari produk serta dalam bekas yang mudah dikenalpasti untuk mengelakkan risiko pencemaran produk.

21.1.9 Program pembersihan dan penyahjangkitan hendaklah memastikan semua bahagian bangunan dibersihkan dengan betul, termasuklah peralatan pembersihan. Program ini hendaklah disediakan dengan nasihat atau selepas berunding dengan pakar yang berkaitan mengikut kesesuaian dan keperluan.

21.2 Pengurusan Sisa Buangan Pepejal & Cecair

21.2.1 Pembuangan bahan buangan mesti dilakukan dengan cara yang dapat menghalang pencemaran AMB/AMS bermula dari sumber sehingga produk siap.

21.2.2 Bahan buangan hendaklah dikumpulkan di kawasan pembuangan yang dikhaskan.

21.2.3 Bekas penyimpanan dan kawasan pengumpulan bahan buangan mesti dibersihkan dan dinyahjangkitkan dengan sempurna.

21.2.4 Sistem sisa kumbahan hendaklah dipasang, diselenggara dan dibuang dengan cara yang dapat mengelakkan pencemaran sepanjang proses iaitu sumber air hingga produk siap.

21.3 Kawalan Makhluk Perosak

21.3.1 Pihak pengurusan hendaklah memastikan bahawa;

i) Bangunan hendaklah sentiasa dalam keadaan yang baik untuk mencegah kemasukan makhluk perosak dan menghapuskan kawasan yang berpotensi untuk pembiakan makhluk perosak.

ii) Lubang, longkang dan kawasan di mana berkemungkinan merupakan jalan masuk makhluk perosak hendaklah ditutup rapat.

iii) Kawasan dalam dan luar premis mestilah sentiasa bersih.

iv) Bahan buangan hendaklah disimpan di dalam bekas kalis makhluk perosak yang bertutup.

v) Premis dan kawasan sekitarnya hendaklah sentiasa diperiksa bagi tujuan pengesanan sekiranya ada bukti kehadiran makhluk perosak.

vi) Kehadiran makhluk perosak hendaklah ditangani dengan segera untuk mengelakkan faktor yang menyumbang kepada punca pencemaran AMB/AMS.

vii) Rawatan kawalan dengan bahan kimia, fizikal atau biologi hendaklah dijalankan tanpa mendatangkan ancaman terhadap keselamatan AMB/AMS.

viii) Haiwan tidak dibenarkan berada di premis pemprosesan AMB/AMS.

21.3.2 Program kawalan makhluk perosak yang berkesan bagi premis dan peralatan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut;

i) Nama orang yang bertanggungjawab atau nama syarikat kawalan makhluk perosak
ii) Bahan kimia yang digunakan dan kepekatannya
iii) Lokasi penggunaannya
iv) Kaedah dan kekerapan penggunaan
v) Pelan lokasi perangkap, dan
vi) Kekerapan pemeriksaan untuk verifikasi terhadap keberkesanan program

KOMPONEN 2 : KAWALAN OPERASI

Komponen ini menjelaskan secara terperinci kawalan operasi yang perlu dijalankan oleh syarikat dalam memastikan pemprosesan AMB atau AMS bagi maksud perdagangan atau perniagaan mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

22.0 KAWALAN PROSES

22.1 Carta alir proses hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:

i) Carta alir proses bermula dari punca air sehingga produk akhir.

ii) Keterangan tentang sistem pemprosesan pada setiap peringkat sehingga kepada proses pembungkusan.

iii) Kawalan ke atas bahaya bakteriologi, kimia dan fizikal.

22.2 Masa dan suhu hendaklah dikawal secara berkesan bagi memastikan keselamatan dan kualiti AMB/AMS.

22.3 Kesemua alat pengukur termasuk pengukur masa, suhu dan berat hendaklah dikalibrasi mengikut keperluan.

22.4 Kawalan yang berkesan bagi mengelakkan pencemaran silang hendaklah diadakan di sepanjang rantaian proses. Contohnya kawalan pencemaran kepada produk AMB/AMS yang telah diproses atau dari pekerja kepada produk AMB/AMS yang telah diproses.

23.0 SISTEM RAWATAN AIR DI KILANG

Sistem rawatan air di kilang untuk tujuan penghasilan AMB/AMS mestilah berupaya untuk menghasilkan produk AMB/AMS yang selamat dan mematuhi standard yang ditetapkan dalam Jadual Kedua Puluh Lima bagi AMB atau Jadual Kedua Puluh Enam bagi AMS di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985. Kaedah rawatan air hendaklah didokumenkan dengan perincian maklumat seperti berikut:

23.1 Carta alir proses rawatan bermula dari punca air.

23.2 Keterangan terperinci tentang sistem pemprosesan pada setiap peringkat peringkat sehingga pembotolan (*filling*).

23.3 Kawalan sistem pemprosesan yang telah ditetapkan seperti kadar aliran, tekanan yang digunakan.

Contoh rekod kawalan pemprosesan (Lampirkan borang digunakan) dan hendaklah dijelaskan.

23.4 Tindakan pembetulan (Lampirkan tindakan pembetulan yang akan dijalankan) sekiranya berlaku pelanggaran terhadap kawalan sistem pemprosesan.

23.5 Keterangan pemprosesan hendaklah menjelaskan secara terperinci tujuan rawatan dan tekanan yang digunakan (jika ada) dan pemantauan pada sistem rawatan.

23.6 Pelan skematik proses rawatan air.

24. 0 SISTEM PEMBERSIHAN BOTOL

Sistem pembersihan botol yang digunakan diterangkan dengan menggunakan carta alir. Maklumat-maklumat berikut diperlukan:

24.1 Keterangan setiap langkah pembersihan botol bermula dari penerimaan botol sehingga digunakan untuk pengisian (*filling)*.

24.2 Keterangan hendaklah meliputi;

i) Proses pra-rawatan dan jenis bahan kimia digunakan
ii) Kaedah pencucian dan jenis agen pembasmi kuman (*sanitizer*) digunakan
iii) Kaedah pembilasan
iv) Kaedah disinfeksi
v) Sistem kepastian kualiti
vi) Sistem pemeriksaan dan kriteria pemilihan botol.
vii) Jangka hayat penggunaan botol

24.3 Prosedur pembersihan botol

24.3.1 Pembersihan botol merupakan satu proses yang kritikal dalam proses pengeluaran AMB/AMS. Oleh yang demikian, pengilang hendaklah memastikan tempat pencucian, kaedah dan penyimpanan botol yang telah dibersihkan hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Kawasan pembersihan botol hendaklah diasingkan dengan kawasan pemprosesan dan pengisian (*filling*).

24.3.2 Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Peraturan 32(2), bekas polikarbonat dan polietilena tereftalat yang saiznya tidak kurang daripada 20 liter yang sebelum ini telah digunakan untuk AMB/AMS boleh digunakan untuk tujuan yang sama (diguna semula).

25.0 KAWALAN PEMBUNGKUSAN

25.1 Kawalan penerimaan dan penyimpanan bahan pembungkus

25.1.1 Bahan pembungkus hendaklah diperolehi daripada pembekal mengikut keperluan spesifikasi syarikat.

25.1.2 Penerimaan bahan pembungkus hendaklah diuruskan dan disimpan dengan cara yang dapat mengurangkan kerosakan dan pencemaran (seperti pencemaran habuk, kawalan terhadap ketinggian susunan bahan dan kerosakan *forklift*).

25.1.3 Bahan pembungkus hendaklah diletakkan dan disusun supaya ia tidak bersentuhan dengan lantai dan dinding.

25.1.4 Tarikh penerimaan bahan pembungkus perlu direkodkan dan dilabelkan. Keluar masuk stok perlu menggunakan sistem giliran FIFO (*first-in-first-out*).

25.2 Kawalan pembungkusan produk AMB/AMS

25.2.2 Bahan-bahan pembungkusan hendaklah terdiri daripada bahan bukan toksik dan yang bersentuhan secara langsung dengan AMB/AMS perlu berkualiti gred makanan. Bahan-bahan tersebut hendaklah diperiksa bagi mengesan sebarang kerosakan sebelum digunakan untuk mengelakkan potensi kejadian pencemaran .

25.2.3 Pengisian (*filling*) dan penutupan (*capping*) yang berkesan hendaklah dikawal sepenuhnya.

26.0 KAWALAN PENYIMPANAN PRODUK SIAP

26.1 Produk yang dibungkus hendaklah disimpan dalam keadaan penyimpanan yang sesuai.

26.2 Suhu dan masa hendaklah dikawal dan dipantau untuk mengurangkan kerosakan produk.

26.3 Kemudahan penyimpanan dan peralatan hendaklah sentiasa diselenggara untuk memastikan operasi yang sesuai.

26.4 Produk yang dibungkus hendaklah diletak dan disusun supaya tidak bersentuhan dengan lantai dan dinding.

27. 0 KAWALAN BAHAN KIMIA

Bahan kimia yang digunakan dalam pembersihan hendaklah dikendalikan dan digunakan secara berhati-hati mengikut arahan-arahan pengeluar dan disimpan berasingan dari produk AMB/AMS serta dalam bekas yang mudah dikenalpasti untuk mengelakkan risiko pencemaran produk.

28.0 KAWALAN PENGANGKUTAN DAN PENGEDARAN

28.1 Produk AMB/AMS mesti dilindungi secukupnya daripada pencemaran dan kerosakan semasa aktiviti pengangkutan dan pengedarannya.

28.2 Pengeluar atau pengedar hendaklah memastikan bahawa pengangkutan produk AMB/AMS mematuhi syarat-syarat seperti berikut:

28.2.1 Mengangkut produk AMB/AMS dalam suatu kenderaan yang boleh melindungi produk itu dari apa-apa pencemaran;

28.2.2 Mengangkut dan menyimpan produk AMB/AMS di dalam suatu bekas penebat yang bersih;

28.2.3 Mengangkut, menyimpan dan menghantar produk AMB/AMS dalam bekas bertutup yang bersih atau ditutup dengan baik bagi menghalang apa-apa pencemaran; dan

28.2.4 Memastikan bahawa peralatan dan kemudahan lain yang digunakan bagi pengangkutan, penyimpanan dan penghantaran produk dikekalkan dalam keadaan bersih bagi menghalang apa-apa pencemaran.

29.0 KAWALAN KESELAMATAN DAN KUALITI PRODUK

29.1 Bagi memastikan produk yang dikeluarkan dapat menepati standard AMB/AMS pada setiap keluaran, pihak syarikat hendaklah menyediakan satu program kawalan keselamatan dan kualiti AMB/AMS.

29.2 Program kawalan keselamatan dan kualiti secara dalaman (*in-situ)* perlu dijalankan oleh pihak syarikat secara berkala bagi parameter pH, residu klorin, kekeruhan (jika perlu) dan warna.

29.3 Elemen ini hendaklah menjelaskan tentang program kawalan keselamatan dan kualiti yang digunakan adalah termasuk perkara-perkara berikut :

i) Jadual ujian kawalan keselamatan dan kualiti serta kakitangan bertanggungjawab
ii) Jenis ujian, rekod dan keputusan ujian kualiti
iii) Pelan tindakan serta carta alir dan keterangan tindakan sekiranya pelanggaran kepada sistem keselamatan dan kualiti yang ditetapkan
iv) Spesifikasi peralatan ujian kualiti
v) Pelan tindakan sekiranya produk tidak mengikut spesifikasi
vi) Prosedur tindakan kepada pelanggaran standard kualiti air
vii) Prosedur dan rekod kalibrasi peralatan ujian kualiti

30.0 KAWALAN KEBOLEHKESANAN *(TRACEABILITY)*

30.1 Pihak syarikat hendaklah mengadakan suatu sistem kebolehkesanan produk AMB/AMS. Sistem ini boleh mengenalpasti satu langkah ke belakang dari mana sumber air itu datang dan satu langkah ke hadapan ke mana AMB/AMS itu pergi mana-mana peringkat tertentu suatu rantaian pemprosesan daripada pengeluaran hingga pengedaran.

30.2 Dokumentasi dan rekod bagi proses dan produk mencukupi dan berkesan.

30.3 Pelabelan produk AMB/AMS dan program penarikan balik bagi produk tercemar hendaklah disediakan untuk memberi maklumbalas jika berlaku ancaman keselamatan terhadap produk AMB/AMS.

30.4 Semua rekod hendaklah dijaga dan disimpan dalam jangka masa yang lebih daripada jangka hayat produk. Rekod yang perlu disimpan adalah termasuk:

- Sumber/punca air dan sumber bahan pembungkus
- pembekal
- kualiti air dan bekalan (sumber, rawatan air dan keputusan analisa)
- peralatan penyelenggaraan
- pemprosesan dan pemantauan
- tindakan pembetulan
- pembersihan dan sanitasi
- kawalan makhluk perosak
- pekerja (rekod kesihatan dan latihan)
- ujian kualiti produk
- pengedaran (maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pengesanan dilakukan kepada kod tertentu atau nombor lot seperti identiti produk dan saiz, nombor lot atau kod, kuantiti, maklumat pelanggan – nama dan

alamat premis, nombor telefon, keadaan penyimpanan daripada peringkat permulaan pengedaran produk).

30.5 Sistem Penarikan Balik (*Recall)*

30.5.1 Sistem penarikan balik perlu meliputi prosedur bertulis bagi memastikan pengenalpastian produk dan penarikan balik produk dengan cepat daripada pasaran sebaik sahaja pencemaran produk dikenalpasti atau aduan pengguna terhadap keselamatan AMB/AMS.

30.5.2 Pihak syarikat perlu memastikan prosedur yang berkesan diadakan dan dilaksanakan untuk menangani sebarang bahaya kepada keselamatan AMB/AMS dan membolehkan sebarang tindakan penarikan balik produk yang berkenaan daripada pasaran.

30.5.3 Pengesanan produk yang bersistematik adalah penting dalam membentuk sistem penarikan balik yang berkesan.

KOMPONEN 3 : KEPERLUAN SPESIFIK BAGI PUNCA BEKALAN AIR AWAM DIRAWAT

Keperluan spesifik ini perlu dipatuhi oleh pemohon yang memohon lesen AMB dari punca bekalan air awam dirawat sahaja. Keperluan ini adalah tidak terpakai bagi permohonan lesen punca AMS.

31.0 Kawalan Pemprosesan Punca Bekalan Air Awam Dirawat (Jika Berkaitan)

Kawalan pemprosesan air dari punca bekalan air awam dirawat hendaklah bermula dengan sumber bekalan air sehingga produk dihasilkan. Perincian maklumat berkaitan punca bekalan air adalah merangkumi :

i) Sumber bekalan air
ii) Nama loji rawatan air
iii) Jarak antara loji dan kilang
iv) Nama tangki agihan
v) Kedudukan meter bekalan air di premis
vi) Jarak sambungan dari paip utama kepada meter bekalan air
vii) Saiz serta jenis paip yang digunakan
viii) Langkah perlindungan dari pencemaran yang diambil bagi sambungan paip utama kepada meter
ix) Langkah-langkah yang diambil bagi melindungi air dari tercemar sebelum diproses
x) Langkah-langkah yang diambil bagi melindungi air selepas dirawat (tangki simpanan)
xi) Pelan tindakan pencegahan dan pembetulan yang akan diambil sekiranya
    i. Bekalan air awam terputus
    ii. Berlaku pencemaran kepada bekalan air pada peringkat punca air mentah, loji rawatan, paip bekalan utama atau retikulasi

KOMPONEN 4 : KEPERLUAN SPESIFIK BAGI PUNCA AIR BAWAH TANAH

Keperluan spesifik ini perlu dipatuhi oleh pemohon yang memohon lesen AMS atau AMB yang berpunca daripada air bawah tanah (termasuklah telaga tiub atau mata air/*spring water*).

32.0 Laporan Hidrogeologi dan Geologi

32.1 Pemohon hendaklah menyediakan Laporan Hidrogeologi dan Geologi bagi punca air bawah tanah yang akan dilesenkan.

32.2 Bagi permohonan lesen produk AMS atau AMB yang berpunca daripada air bawah tanah (termasuklah telaga tiub atau mata air/*spring water*) tempatan, laporan ini hendaklah disertakan semasa permohonan sokongan dan perakuan di JMG Negeri.

32.3 Pemohon diminta untuk melengkapkan semua keperluan dokumen seperti yang ditetapkan mengikut Garis Panduan Penyediaan Laporan Hidrogeologi dan Geologi Bagi Maksud Permohonan Lesen Punca Air Mineral Semulajadi. Garis panduan ini boleh diperolehi daripada (JMG) Malaysia atau JMG Negeri berdekatan (Lampiran 9).

.

32.4 Pihak JMG Negeri akan mengeluarkan Surat Perakuan dan Sokongan bagi mengesahkan punca air bawah tanah tersebut menepati keperluan geologi dan hidrogeologi di negara ini (Lampiran 10).

BAHAGIAN 3 : KEPERLUAN PELABELAN PRODUK AMB/AMS

33.0 PERAKUAN LABEL AMB/AMS

Label bagi produk AMB/AMS perlu mendapat kelulusan daripada IPPKKM sebelum membuat permohonan lesen AMB/AMS.

33.1 Label produk AMB/AMS hendaklah disemak mengikut kepatuhan di bawah keperluan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 serta Syarat-Syarat Pemegang Lesen AMB/AMS.

33.2 Permohonan perakuan label hendaklah dikemukakan kepada IPPKKM dengan mengisi Borang Permohonan Semakan Label Air Minuman Berbungkus (AMB)/ Air Mineral Semulajadi (AMS) bersama-sama satu (1) salinan *artwork* label bagi setiap saiz produk AMB/AMS yang ingin dilesenkan dan dokumen sokongan sebelum membuat permohonan lesen.

33.3 Tiada bayaran yang dikenakan ke atas permohonan semakan label bagi tujuan perakuan label.

33.4 Bagi permohonan AMS, laporan analisis kandungan mineral, jumlah pepejal terlarut dan pH bagi produk akhir hendaklah disertakan dimana pemohon perlu menghantar produk ke makmal yang diiktiraf oleh KKM.

33.5 Surat Perakuan label yang telah mendapat kelulusan perlu dimuat naik dalam sistem FoSIM.

34.0 PENAMBAHAN JENAMA (SELEPAS MENDAPAT LESEN)

34.1 Pemegang lesen perlu memaklumkan IPPKKM melalui surat rasmi dengan melampirkan *artwork* label bagi setiap jenama sekiranya terdapat penambahan jenama bagi produk AMB/AMS yang dikeluarkan.

34.2 Semua keperluan pelabelan hendaklah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

34.3 Walau bagaimanapun, pemegang lesen juga boleh menghantar permohonan semakan label ke IPPKKM dengan mengemukakan permohonan melalui sistem FoSIM. Setiap permohonan (mengikut jenama) akan dikenakan bayaran sebanyak RM 250.00 bagi Semakan Label Makanan dan RM 1000 bagi Khidmat Nasihat Pelabelan Makanan.

34.4 Langkah-langkah bagi membuat permohonan boleh dirujuk pada Manual Semakan & Khidmat Nasihat Pelabelan (Pemohon) di laman sesawang rasmi IPPKKM.

34.5 Walau bagaimanapun, penambahan jenama yang melibatkan perubahan pembungkusan hendaklah mendapatkan kelulusan daripada BKKM dengan mengemukakan permohonan melalui surat rasmi.

35.0 PELABELAN PRODUK AMB/AMS

35.1 Pemohon adalah diingatkan berkaitan peruntukan di bawah Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 adalah tidak dibenarkan membuat tuntutan kesihatan, superioriti atau menggunakan perkataan-perkataan yang mengelirukan pada label. Larangan ini juga meliputi iklan sama ada melalui media cetak dan eletronik sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 17, Akta Makanan 1983.

35.2 Contoh label bagi AMB/AMS boleh dirujuk pada Lampiran 11 dan 12.

35.3 Keperluan dan maklumat pelabelan adalah seperti berikut :

35.3.1 Bahasa

- Label bagi setiap produk yang disedia, dikeluar atau dibungkus di Malaysia perlu ditulis dalam **Bahasa Malaysia.**

- Sekiranya terdapat maklumat pada label hendak dinyatakan dalam Bahasa Inggeris, maklumat tersebut perlu dinyatakan dalam kedua-dua bahasa iaitu **Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris**.

35.2.2 Nama sebutan sebenar

- Hendaklah jelas dari segi ketinggian, keutamaan visual dan kedudukan supaya mudah kelihatan berbanding perkara lain.

- Hendaklah ditulis dengan penghurufan sama dan saiz huruf hendaklah sekurang-kurangnya **12 poin**:

Air Minuman Berbungkus

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Air Minuman	*Drinking Water*
Air Minuman Berkarbon	*Carbonated Drinking Water*

Air Mineral Semulajadi

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Air Mineral Semulajadi	*Natural Mineral Water*
Air Mineral Semulajadi Berkarbonat	*Carbonated Natural Mineral Water*

35.2.3 Jenis punca air

- Hendaklah ditulis dengan saiz huruf hendaklah sekurang-kurangnya **10 poin**:

Air Minuman Berbungkus

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
*Jenis Punca Air: Bekalan Air Paip Yang Dirawat (Syarikat yang bekalkan air paip)	**Type Of Source : Treated Pipe Water Supply (Treated Pipe Water Supply)*
**Jenis Punca Air : Air Bawah Tanah	***Type Of Source : Underground Water*

Nota :

* Contoh syarikat bekalan air (SAINS, PAIP, Lembaga Air Perak dan lain-lain)

** Sekiranya permohonan AMB melibatkan punca air bawah tanah (telaga tiub) sahaja.

Air Mineral Semulajadi

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Jenis Punca Air : Air Bawah Tanah	*Type Of Source : Underground Water*

Nota :

Air bawah tanah adalah berpunca daripada telaga tiub, telaga artesian dan mater air (*spring water*).

35.2.4 Lokasi Punca (bagi AMS sahaja)

- Nyatakan alamat lengkap lokasi punca dengan saiz huruf hendaklah sekurang-kurangnya **10 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Lokasi Punca :	*Location Of Source : ....*

35.2.5 Isipadu minimum

- Hendaklah ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **10 poin**
- Ketinggian penghurufan hendaklah sama

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Isipadu Minima : XXX ml	*Minimum content : XXX ml*
Isipadu Minimum : XXX ml	

35.2.6 Maklumat Pengeluar / Dikilang oleh

- Nyatakan nama dan alamat lengkap lokasi kilang/pengeluar dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **6 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Dikilang Oleh :	*Manufactured by : .....*

35.2.7 Maklumat Pengedar / Diedar oleh

- Nyatakan nama dan alamat lengkap syarikat pengedar dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **6 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Diedar Oleh :	*Distributed by : .....*

35.2.8 Perkataan 'Punca diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia'

- Hendaklah ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **6 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Punca diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia	*Source approved by the Ministry Of Health, Malaysia*

35.2.9 No. Kelulusan

- Hendaklah ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **6 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
No. Kelulusan : KKM 163 XXXX	*Approval No.: KKM163 XXXX*

35.2.10 Perkataan 'Buatan Malaysia' (**sekiranya mempunyai logo daripada KPDNHEP**) atau **negara asal pengeluar**

- Hendaklah dinyatakan nama negara asal pengeluar dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **6 poin**:

Bahasa Malaysia	Bahasa Inggeris
Buatan Malaysia	*Product Of Malaysia*

35.2.11 Kenyataan lain pada label

- Perkataan yang menyatakan penggredan, kualiti, kelebihan atau yang sama maksud adalah tidak dibenarkan mengikut Peraturan 18, Peraturan- Peraturan Makanan.

Contoh : tulen, campur sebatian, berubat, tonik atau kesihatan, tuntutan kesihatan (*health claim*), kelebihan air, *energized, super oxygenated, super oxygen enriched, strict controls guarantee a continuously quality, strictly controlled, fountain of health, pure, cool, fresh, refresh, clean, healthy* dan lain-lain seumpamanya.

35.2.12 Logo

- Setiap logo hendaklah disertakan dengan salinan sijil asal yang masih sah laku atau surat sokongan daripada agensi berkaitan seperti:
  Contoh : Buatan Malaysia, MeSTI, GMP, HACCP, ISO, Halal, ABWA, MBWA, Member of Water Quality, PERDASAMA, Superbrand, Persatuan Pengguna Islam Malaysia, Muslim Product, ®,™,© dan lain-lain.

35.2.13 Kandungan mineral (bagi AMS)

- Senaraikan mineral yang ada dan nyatakan amaun kandungan mineral dalam unit mg/l dan ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **4 point** bagi setiap garam mineral dan unsur surih yang didapati.
- Nyatakan amaun jumlah pepejal terlarut (*total dissolved solid*) dalam unit mg/l dan ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **4 point**.
- Nilai pH ditulis dengan saiz huruf sekurang-kurangnya **4 point**.
- Perlu sertakan salinan keputusan analisa kandungan mineral (COA) dari makmal yang diiktiraf KKM dan hendaklah mematuhi standard Jadual Kedua Puluh Enam, PPM 1985.
- Nilai bacaan mineral dan pH hendaklah selari pada label dan keputusan analisa (COA).
- Bagi AMB, kandungan mineral hanya dinyatakan pada label sekiranya terdapat penambahan mineral dalam AMB tersebut.

35.2.14 Ilustrasi pada label

- Produk AMB/AMS tidak boleh memaparkan ilustrasi yang mengelirukan sekiranya sumber AMS/AMB bukan berpunca daripada illustrasi tersebut

- Antara gambar atau ilustrasi yang mengelirukan adalah seperti berikut:
  i) Gunung/gunung bersalji/salji
  ii) Air laut/pantai/pulau/ombak
  iii) Piramid di padang pasir
  iv) Air terjun/sungai/tasik

35.2.15 Isu Keagamaan (jika berkaitan sahaja)

- Perkara berunsurkan keagamaan yang dilarang diletakkan pada jenama / label produk AMB/AMS adalah seperti berikut:
  i) Nama-nama Allah / Tuhan
  ii) Ayat Al-Quran
  iii) Nama kitab-kitab suci

- Penggunaan ayat ruqyah(bacaan ayat al-quran), hadis atau maksud hadis atau lain-lain penyataan yang bertujuan untuk melariskan produk adalah tidak dibenarkan.

35.2.16 Isu-isu lain berkenaan keagamaan (jika berkaitan sahaja)

- Contoh:
  i) Nama jenama berunsurkan keagamaan
  ii) Gambar atau simbol keagamaan seperti masjid, bulan sabit, gambar orang seperti berdoa, menadah tangan dan seumpamanya.
  iii) Dan lain-lain isu keagamaan

- Hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada **Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM** (bagi pemegang sijil halal JAKIM)
- Hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis daripada **Bahagian Penguatkuasaan, KPDNKK** (bagi syarikat yang tiada pensijilan halal)l

35.2.17 Penyataan ‘Buatan Muslim’ (Jika berkaitan sahaja)

- Pemilik syarikat hendaklah beragama Islam. Sekiranya pemilik tidak beragama Islam, tetapi pekerjanya beragama Islam, pernyataan ini tidak dibenarkan dinyatakan pada label.

35.2.18 Penyataan ‘Buatan Bumiputera’ atau ‘100% Produk Bumiputera’ (Jika berkaitan sahaja)

- Pemilik syarikat hendaklah bertaraf bumiputera. Sekiranya pemilik bukan bumiputera, tetapi pekerjanya bertaraf bumiputera, pernyataan ini tidak dibenarkan dinyatakan pada label.

35.2.19 Pernyataan konsep penjualan tujuan kebajikan (Jika berkaitan sahaja)

- Penyataan seperti ‘Membeli Sambil Menderma’, ‘Jualan Amal untuk Anak- Anak Yatim, Fakir Miskin dan Warga Emas’, ‘5 sen disumbangkan ke Gaza, Palestin’, ‘*Drink For Charity’* dan lain-lain.
- Dibenarkan dengan surat pengesahan dari agensi berkaitan.

35.2.20 Skala *artwork* label

- Nyatakan ukuran skala *artwork* mengikut saiz sebenar label pada produk.
- Saiz *artwork* label yang dikemukakan selari dengan ukuran pada label.

36.0 PERTANYAAN

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkaitan permohonan, sila hubungi :

Alamat	No.Telefon / Faks / Laman Sesawang
Program Keselamatan & Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 4, Menara Prisma, No.26 Jalan Persiaran Perdana, Presint 3 62675 Putrajaya	No. Tel : 03-8885 0797 Laman sesawang: http://fsq.moh.gov.my
Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Negeri	Rujuk di Lampiran 13

Sekiranya terdapat permasalahan semasa menggunakan sistem FoSIM, pemohon hendaklah mengemukakan aduan melalui menu E-Aduan di dalam sistem FoSIM tersebut atau emel kepada sdfosim@moh.gov.my.

37.0 SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	:	Kandungan minimum Manual Kawalan Keselamatan Air Minuman Berbungkus /Air Mineral Semulajadi
Lampiran 2	:	Carta Alir Permohonan Baharu Lesen Air Minuman Berbungkus / Air Mineral Semulajadi
Lampiran 3	:	Borang Permohonan Semakan Label AMB/AMS
Lampiran 4	:	Senarai Makmal Yang Diluluskan Oleh KKM
Lampiran 5	:	Contoh Surat Pemakluman Memanggil, Memindah Atau Menarik Balik (*Recall*) Secara Sukarela
Lampiran 6	:	Carta Alir Penggantungan/ Pembatalan Lesen AMB/AMS Bagi Pelanggaran Sampel Semasa Pemantauan KKM
Lampiran 7	:	Syarat-syarat Pemegang Lesen Air Minuman Berbungkus
Lampiran 8	:	Syarat-syarat Pemegang Lesen Air Mineral Semulajadi
Lampiran 9	:	Senarai alamat Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri
Lampiran 10	:	Surat Permohonan dan Perakuan kepada Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri
Lampiran 11	:	Contoh Label Produk Air Minuman Berbungkus
Lampiran 12	:	Contoh Label Produk Air Mineral Semulajadi
Lampiran 13	:	Senarai BKKM, JKN

38.0 SENARAI JADUAL

Jadual A : Jadual Kedua Puluh Lima

Jadual B Jadual Kedua Puluh Enam

Jadual C : Maklumat Aktiviti Pensampelan Bagi Pelesenan AMB / AMS

Jadual D : Maklumat Penghantaran Sampel

39.0 RUJUKAN

1 : Akta Makanan 1983

2 : Peraturan-Peraturan Makanan 1985

3 : Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009

4 : Garis Panduan Skim Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI)

5 : Manual Pelesenan AMB AMS (Pemohon), FoSIM

6 : Manual Pelesenan AMB AMS (PKKM), FoSIM

